

KEISTIMEWAAN PENGAJIAN TARANNUM SEBELUM DAN SEMASA ERA FARIDAH BINTI MAT SAMAN^(*)

*(The Speciality of Tarannum's Study Before and During Faridah Binti
Mat Saman's Era)*

Shafiza Binti Safie¹, M.Y Zulkifli Bin Haji Mohd Yusoff²

Khader Bin Ahmad³, Wan Hilmi Bin Wan Abdullah⁴

ABSTRACT

The Holy Qur'an is an everlasting miracle. Reading it includes worshiping and studying. Hence, *tarannum*, as a vocal method of the recitation of the Qur'an, renders the recitation beautiful. This article aimed at introducing Faridah Binti Mat Saman, one of the best reciter of *tarannum* known locally and internationally. This is by highlighting the method of *tarannum* before Faridah's era (1945-1959) and during her era (1960-2018), then emphasizing on her contribution in this field. The findings show that there are various advantages of *tarannum's* study either before and during Faridah's era but her era shows the development of *tarannum* and the emerging of numourous *Qari* (Quran reciters) from both sex in addition to the qualified teachers of this vocal method in Malaysia.

Keywords: *Faridah Binti Mat Saman, Qari, Tarannum.*

^(*) This article was submitted on: 25/02/2018 and accepted for publication on: 04/05/2018.

¹ Calon Doktor Falsafah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM), email: shafizasafie@yahoo.com

² Profesor (APIUM).

³ Pensyarah Kanan (APIUM).

⁴ Calon Doktor Falsafah Fakulti Pengajian Islam U.K.M. (UKM).

ABSTRAK

Al-Quran merupakan mukjizat yang kekal selamanya. Membacanya dikira ibadah dan mempelajari atau mengajar Al-Quran adalah sebaik-baik perbuatan manusia. Lantaran itu, dengan tarannum maka ia memperkemaskan dan memperindahkan lagi Al-Quran seterusnya menampakkan kemukjizatan Al-Quran dengan lebih terserlah. Artikel ini bertujuan untuk memperkenalkan tokoh tarannum dari kalangan qariah yang sangat mahsyur iaitu Faridah Binti Mat Saman yang begitu sinonim dengan kejuaraannya yang paling banyak dalam Musabaqah Al-Quran sama ada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa iaitu sebanyak 8 kali. Artikel ini juga adalah untuk melihat keistimewaan pengajian tarannum sebelum dan semasa era Faridah Binti Mat Saman. Penulis menetapkan tahun 1945 hingga tahun 1959 adalah zaman sebelum era Faridah Binti Mat Saman dan 1960 sehingga 2018 adalah zaman Faridah Binti Mat Saman. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat pelbagai keistimewaan pengajian tarannum sama ada sebelum dan semasa era Faridah Binti Mat Saman namun di era beliau keistimewaan tarannum lebih terserlah demi melahirkan qari-qariah dan para guru tarannum yang lebih berkualiti dan cemerlang.

Kata Kunci: *Pengajian, Tarannum, Keistimewaan, Sebelum, Semasa*

PENDAHULUAN

Al-Qur'an memuat petunjuk bagi manusia tentang cara hidup di dunia ini. Allah SWT menjamin bahwa bangsa yang menjadikan Al-Qur'an sebagai pedoman akan sentiasa dirahmati dan cenderung kepada perbuatan baik. Keunikan Al-Quran ini terserlah dengan adanya tarannum atau seni lagu Al-Quran. Ia bisa memandu hati dan jiwa manusia ke arah kekhusyukan untuk lebih bertaqarrub kepada Allah SWT. Ini sebagaimana Firman Allah SWT dalam Surah Al-Isra' ayat 82:

﴿وَنُنَزِّلُ مِنَ الْقُرْآنِ مَا هُوَ شِفَاءٌ وَرَحْمَةٌ لِّلْمُؤْمِنِينَ وَلَا يَزِيدُ الظَّالِمِينَ إِلَّا خَسَارًا﴾

Terjemahan: Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran ayat-ayat suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua. (Al-Isra' 17: 82).

Ini sebagaimana Haji Mohd Yusof (Haji M.Y.,1991:65), menunjukkan bahawa bacaan Al-Quran itu boleh mendatangkan rahmat oleh pendengarnya

yang menumpukan perhatian dengan baik dan jika sebaliknya iaitu Al-Quran itu tidak dibaca dengan baik dan bersopan maka hilanglah kekhusyukan dalam menjiwainya.

KEISTIMEWAAN PENGAJIAN TARANNUM SEBELUM DAN SEMASA ERA FARIDAH BINTI MAT SAMAN

1. Aliran Tarannum

Menurut Haji Mohamad Haji Yusoff (Ibid.65), sebelum Era Faridah Binti Mat Saman iaitu pada tahun 1940-an berlakunya perubahan aliran tarannum dari tarannum bercorak *Hijazi* ke tarannum bercorak *Misri*. Hal ini berlaku kerana perubahan pusat-pusat lagu di Timur Tengah khususnya pusat-pusat lagu Hijazi telah berpindah ke Mesir. Pada masa ini juga pembacaan tarannum Al-Quran adalah mementingkan suara yang gagah dan tinggi (Ibid, 82).

Menurut Wan fakhrul Razi Bin Wan Mohamad (Wan F. Razi, 2008:51), singkatan yang digunakan dalam tarannum Misri telah dirumuskan dengan perkataan yang menjadi بحصر جسد yang memberi maksud:

1. Huruf ب bermaksud Bayyati
2. Huruf ح bermaksud Hijaz
3. Huruf ص bermaksud Soba
4. Huruf ر bermaksud Rast
5. Huruf ج bermaksud Jiharkah
6. Huruf س bermaksud Sika
7. Huruf د bermaksud Nahawand

Ketujuh-tujuh lagu ini dianggap teras dalam bacaan secara bertarannum khususnya Tarannum Misri. Namun masih terdapat banyak lagi pecahan lagu yang terkenal terutamanya di Nusantara seperti Syuri(سوري), husayni(حسيني), Ajami(عجمي), Kard(كارد), Kard-Kurd(كورد كورد), Nakriz(نكريز), Usyaq(عشاق), Sabir ala-Al-Rast(سبير على الرصد) (Wan F. R., 2008: 52).

Menurut Haji Mohamad Haji Yusoff (H.M.Y, 1991: 96-97), pada era Faridah Binti Mat Saman khususnya di Kelantan, sekembalinya tokoh-tokoh qari mahsyur seperti Haji Ahmad Matsom Pergau dan Haji Abdul Latif Tumpat telah membawa perubahan besar ke atas aliran lagu tarannum iaitu dari tarannum ala ala *Hijazi* ke tarannum ala ala *Misri*. Bertitik tolak dari pertembungan antara kedua-dua aliran ini yang mana ada qari dan qariah yang mampu menguasai

perubahan dari tarannum aliran Hijazi ke tarannum aliran Misri dengan baik dan ada juga antara mereka yang tidak mampu menguasainya dengan baik malah tetap mengekalkan corak aliran tarannum Hijazi dalam bacaan tarannum mereka. Akibatnya qari-qari yang mampu bertarannum dengan ala ala Misri dengan baik, maka mereka kekal di hati masyarakat manakala para qari yang tetap meneruskan bacaan tarannum mereka ala-ala Hijazi, mereka semakin tidak diminati dan tidak terkenal sebagaimana para qari yang beraliran Misri. Ini kerana bagi masyarakat, golongan yang mengamalkan tarannum Hijazi mereka dianggap terkebelakang dan ketinggalan zaman. Antara pelopor tarannum aliran Misri di Negeri Kelantan juga seperti Haji Wan Mohd. Zain Bin Ahmad (Kota Bharu), Haji Mohd. Yusof Kedondong (Pasir Mas), Haji Che Musa Bin Mahmud (Pasir Mas) dan Haji Mohd. Yusof Abdullah (Pasir Mas). Selain itu Wan Hilmi Bin Wan Abdullah, (Wan Hilmi, 2014: 126) menyatakan para qari dan qariah Malaysia juga terpengaruh dengan bacaan qari mahsyur Mesir iaitu Sheikh Mustafa Ismail.

Ini sebagaimana Mohd Karim Bin Ismail (Mohd, K., 1991: 17), menerangkan bahawa Haji Ahmad Mat Som Pergau menekankan bacaan berlahjah Arab yang betul termasuk juga suara, lagu dan fasohah pada awal kemunculan tarannum aliran Misri ini. Namun begitu, beliau tidak memberi penekanan kepada bahagian tajwid sebagaimana bahagian-bahagian yang lain kerana beliau berkeyakinan bidang tajwid ini akan dikuasai apabila membacanya menerusi kawan-kawan seperguruan. Hal ini dibuktikan dengan memberi penekanan kepada Bahasa Arab justeru dengan sendirinya sebutan dan bacaan hukum seperti qalqalah, iqlab, ikhfa', izhar dan sebagainya dapat diatasi dalam masa yang singkat.

Menurut Mohd Karim Bin Ismail (Ibid., 29) lagi, keistimewaan Faridah Binti Mat Saman diakui lagi di eranya apabila beliau antara anak murid terawal yang belajar tarannum al-Quran khususnya Tarannum aliran Misri bersama gurunya iaitu Haji Ahmad Mat Som, Pergau. Pada tahun 1963, beliau telah berguru dengan Haji Ahmad Mat Som Pergau selama kira-kira 3 tahun. Beliau belajar secara talaqqi musyafahah di rumah gurunya. Ini menambahkan lagi kemahiran beliau dalam bertarannum kerana pada sebelumnya beliau telah mempelajari tarannum bersama ibunya iaitu Che Yam. Aspek aspek lagu, suara, tajwid dan fasohah ditekankan.

2. Teknik Tarannum Yang Digunakan

a. Tarannum Misri

Menurut Najmiah Binti Omar (Najmiah, 2017: 95), Haji Ahmad Ma'som Pergau merupakan orang yang bertanggungjawab dalam membawa tarannum aliran

Misri ke Malaysia umumnya dan ke Kelantan khususnya. Kemahsyuran beliau bukan sahaja di Negeri Kelantan malah juga di Negeri Terengganu apabila Menteri Besar Terengganu menjemput beliau menjadi tenaga pengajar tarannum di sana. Ini di tambah pula apabila beliau mempelajari ilmu tarannum di Mesir yang mana merupakan negara yang lahirnya tarannum aliran *Misri*. Kemahiran beliau dalam tarannum lebih terserlah dan diyakini lagi apabila beliau belajar dengan Taha al-Fashni dan rakan yang seangkatan dengannya iaitu Sheikh Mustafa Kamal.

Masyarakat Malaysia lebih sesuai dengan tarannum *Misri* kerana ia lebih sopan dan lembut apabila membacanya. Ia juga mengikut peredaran era dan penerimaan para qurra' dan yang paling penting ia juga bertepatan dengan ciri-ciri yang terdapat di dalam dalil al-Quran dan hadith. Dua kaedah bacaan al-Quran dengan betul ialah *tahsin al-saut* dan *qiraah layyinah* (Ibid, 81).

Wan Mohd. Noh Bin Wan Hamat (Wan Mohd., 1994: 151) menceritakan pada tahun 1980-an timbul pula gaya bacaan tarannum yang dibawa oleh Haji Ahmad Ma'som Pergau yang lebih halus dan mementingkan isi-isi yang ada di dalam setiap harakat lagu, dan bacaan pada tahun 1980-an dan 1990-an pembacaan tarannum tidak lagi terikat dengan gaya seseorang yang tertentu tetapi gaya dan bentuk yang pelbagai.

Aspek asas-asas dalam tarannum *Misri* sebagaimana Nik Jaafar menyatakan bahawa: "Asas-asas tarannum Arab *Misri* berdasarkan kepada kaedah yang disampaikan oleh Syeikh Taha Al-Fashni dari Mesir bahawa qari-qari Mesir biasanya mereka membaca Al-Quran tidak lari daripada asas-asas tarannum yang empat iaitu *Bayyati*, *Hijazi*, *Iraqi* dan *Rast*, manakala yang lainnya sebagai *furu* (cawangan) sahaja seperti *Husayni*, *Kurdi*, *Soba*, *Ajam*, *Nahawand*, *Nawa Athar* (*Ushshaq*) *Sika* dan *Jiharkah*. Demikianlah dua belas lagu yang pernah di amalkan oleh qari-qari Mesir sebagai lagu bacaan Al-Quran, manakala selebihnya diamalkan untuk lagu-lagu qasidah dan lagu-lagu muzik sahaja." (Nik Jaafar, 1998: 122)

Menurut Nik Jaafar Nik Ismail (Ibid., 274) lagi, pada masa kini, tarannum ala *Misri* ialah tarannum yang mendominasi Malaysia dan Nusantara. Alunan rentak irama tarannum yang mendominasi di Malaysia ialah tujuh jenis lagu iaitu terdiri daripada *Bayati*, *Soba*, *Hijaz*, *Nahawan*, *Jiharkah*, *Rast* dan *Sikah*. Pada masa sekarang juga pelajar diwajibkan menguasai ketujuh-tujuh lagu ini bagi melayakkan mereka memasuki pertandingan tilawah Al-Quran kerana 3 buah lagu ditentukan supaya dibacakan semasa pertandingan tersebut. Ia berbeza dengan zaman dahulu apabila jika dengan mengetahui 4 lagu sudah melayakkan diri memasuki pertandingan tilawah al-Quran.

Menurut Nik Jaafar Nik Ismail (Ibid., 123) juga, yang terkini pula para qari dan qariah Malaysia mestilah membaca al-Quran dengan tarannum yang telah disusun seperti berikut:

- a. *Bayyati-Soba-Hijaz-Nahawand-Rast*
- b. *Bayyati-Hijaz-Nahawand- Rast-Sikah*
- c. *Bayyati- Nahawand- Rast- Sikah-Jiharkah*
- d. *Bayyati- Soba- Nahawand- Rast- Sikah*
- e. *Bayyati- Iraqi- Hijaz- Sikah- Rast*

Menurut Nik Jaafar Nik Ismail (Ibid, 124), dari segi persembahan tarannum Al-Quran yang diamalkan di Malaysia, ianya hendaklah mengandungi 3 perkara penting iaitu yang pertama, mengandungi beberapa jenis tarannum yang berlainan tanpa takrir. Kedua mengandungi beberapa tabaqah suara yang disusun mengikut tekniknya dan yang terakhir ialah semasa tarannum pembukaan dan penutup mestilah dari jenis yang sama sebaik-baiknya tarannum *bayyati*.

Terdapat tiga teknik utama dalam menghangatkan persembahan seperti teknik penggunaan suara yang tinggi, lantang dan tajam. Kedua teknik penggunaan rentak atau jalan tarannum yang menarik dan canggih dan yang ketiga teknik mengubah bunga-bunga (*Burdah*) yang mana ia boleh menghangatkan dan menyemarakkan jiwa (Ibid, 152).

Dari segi sistem tarannum Al-Quran di Malaysia juga, setiap tarannum hendaklah mengandungi pelbagai *harakat* yang terdapat beberapa *Qit'ah* dan beberapa mahattahnya yang disusun mengikut teknik-teknik seperti satu *harakat*, satu *qit'ah*, satu *mahattah*, satu tarannum dan satu persembahan (Nik Jaafar, 1998:123).

Ini sebagaimana Nik Jaafar Nik Ismail (Ibid, 150), dari segi teknik-teknik *harakat* setiap tarannum hendaklah mempunyai teknik yang dikehendaki seperti *harakat* bebas, tanpa ciri-ciri kecanggihan, ciri-ciri yang mempunyai *wuslah* iaitu gabungan dua atau lebih dari mana-mana angin lagu dalam satu *harakat*, *harakat* yang ada *sulalim* yang bermaksud *harakat-harakat* yang diperdengarkan mengikut sistem tangga menurun dan mendaki dan *harakat* yang ada *ikhtilal al-Lahn* yang bermaksud *harakat-harakat* yang dialunkan menggunakan nada suara yang disumbangkan samada secara menurun atau mendaki.

Dari segi penyusunan tarannum yang berkesan pula, sebelum memulai tarannum tersebut maka qari atau qariah hendaklah menyusun tarannum itu terlebih dahulu berdasarkan beberapa perkara seperti memilih jenis-jenis tarannum yang sesuai, penukaran tarannum kepada tarannum yang lain mestilah dilakukan dengan teliti termasuklah *wuslah* dan sebagainya, penyusunan tarannum ke tarannum yang lain hendaklah dilakukan dengan cermat,

kehangatan, dipertingkan dan sebagainya. Selepas itu untuk mendapatkan tarannum yang berkesan juga maka tarannum pembukaan dengan penutup hendaklah menggunakan tarannum yang sama (Ibid, 151). Ini juga disebabkan oleh setiap tarannum al-Quran yang digunakan mempunyai pengertian, gaya dan peranannya yang tersendiri (T.n, 1986: 25). Ia bertujuan untuk menjelaskan perbezaan serta kedudukan suatu tarannum yang diperdengarkan. Tarannum pada hakikatnya masih banyak namun yang kekal pada masa kini hanya beberapa tarannum sahaja. Hal ini terjadi sama ada mengalami kepupusan ataupun hanya diamalkan di dalam irama-irama lain seperti nasyid, qasidah, berzanji dan seumpamanya (Muhammad L., 2010:46).

Menurut Haji Mohamad Haji Yusoff (Haji Mohd H.Y, 1991: 122), menyatakan di dalam Musabaqah Al-Quran hanya diperuntukkan 10 minit sahaja sama ada masa untuk berlatih dan untuk mempersembahkan tarannum tersebut. Para hakim yang terdiri daripada guru-guru tarannum akan membuat penilaian berkaitan bacaan mereka samaada dari sudut tajwid, lagu, suara ataupun fasahah.

Sebagaimana Wilson Coker (Wilson, 1972: 10), perubahan teknik tarannum Al-Quran adalah perkara biasa. Siti Norfariza Binti Mohd Tawel (Norfariza, 2014: 52) menjelaskan hal ini kerana tarannum boleh diubah suai asalkan identiti asalnya mesti dikekalkan kerana Rasulullah SAW pernah mengingatkan ummatnya supaya selalu membaca Al-Quran dengan suara dan tarannum yang berlahjah atau dialek Arab.

3. Institusi/ Golongan Yang Bertanggungjawab Dalam Penyebaran Tarannum

Menurut Haji Mohamad Haji Yusoff (1991 : 97), sebelum era Faridah Binti Mat Saman iaitu pada tahun 1940-an telah menunjukkan peranan istana-istana sultan di mana Raja-Raja sentiasa menjemput para qari dan qariah bagi mempersembahkan tarannum mereka. Walau pada tahun 1930-an sejarah telah membuktikan bahawa Qari Istana telahpun wujud contohnya bagi negeri Kelantan iaitu Haji Mohd. Yusof Kedondong namun ianya tidak seramai tahun 1940-an. Kebiasaannya ia bersempena dengan majlis-majlis tertentu yang diadakan di istana pada ketika itu. Ini menjadikan sesetengah qari itu disayangi oleh raja sehingga terbawa gelaran “Qari Istana atau Qari Di Raja”.

Beliau juga menyatakan jika adanya Qari Di Raja maka ia melambangkan seolah negeri tersebut juga mempunyai masyarakat yang mampu membaca Al-Quran dengan baik dengan berlahjah Arab. Ini kerana qari-qari tersebut bertanggungjawab untuk mengajar al-Quran di negeri tersebut seterusnya menjiwai roh Al-Quran dalam kalangan masyarakat di negerinya.

Menerusi para Qari Istana inilah diperkenalkan bacaan Al-Quran berlahjah Arab secara terbuka di mana-mana majlis perayaan agama seperti kenduri, Maulid Rasul, Israk dan Mikraj dan lain-lain lagi (Ibid, 97).

Istana memainkan peranan yang sangat penting pada ketika ini dalam usaha memperkembangkan seni tarannum al-Quran di Tanah Melayu. Kebanyakan istana mempunyai Qari-Qari Diraja atau Qari-Qari Istana. Mereka bukan sahaja memperdengarkan bacaan tarannum di hadapan raja-raja malah menjelajah ke seluruh pelusuk negeri semasa majlis-majlis tertentu seperti khatam al-Quran, kenduri kahwin dan perayaan-perayaan agama tertentu yang disambut oleh masyarakat Islam Melayu. Sejarah membuktikan dengan terdapat ramai Qari Di raja di sesebuah negeri maka di negeri tersebut jugalah terdapat ramai rakyat yang mampu dan berkebolehan membaca al-Quran dengan baik. Ini disebabkan oleh penyebaran bacaan al-Quran berlagu oleh qari-qari diraja membolehkan rakyat jelata mengenal dan mempelajari al-Quran dengan lahjah Arab dan bukan Melayu (Farah I., 2011: 4).

Ini juga sebagaimana Mohd Karim Bin Ismail (Mohd, K. 1991: 66-67) menyatakan bahawa para guru Al-Quran juga mengajar secara sukarela tanpa mengenakan apa-apa bayaran dan ia berlaku di rumah mereka sendiri ataupun di surau-surau ataupun masjid. Masa pengajian juga tidak ditetapkan mengikut kelapangan seseorang guru samada waktu pagi, petang ataupun malam atau pada ketiga-tiga waktu tersebut.

Menurut Haji Mohamad Haji Yusoff (H.M.Y., Op. Cit., 106) lagi, insititusi pondok juga tidak terkecuali dalam memainkan peranan ke arah memperkembangkan tarannun Al-Quran apabila beberapa orang qari dijemput seperti Haji Che Musa Bin Mahmud Kampung Lemal bagi memeriahkan lagi sambutan Maulid Nabi yang diadakan dengan penuh kesyukuran dan dalam suasana yang amat meriah.

Mohd Karim Bin Ismail (Mohd, K., 1991: 43-44) menyatakan selepas itu di era Faridah Binti Mat Saman, kerajaan telah mengambil beberapa tindakan susulan bertujuan memperkuatkan lagi penguasaan tarannum itu sendiri melalui kewujudan Musabaqah Al-Quran selaku pihak yang bertanggungjawab dalam mengembangkan tarannum Al-Quran agar ianya sentiasa dijadikan agenda utama dalam kehidupan.

Siti Norfariza Binti Mohd Tawel (2014: 109) menjelaskan Negeri Kelantan telah mengambil langkah yang baik apabila diwujudkan badan berkanun negeri iaitu Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) yang bertanggungjawab dalam mengawal dan mengatur kursus-kursus tahsin Al-Quran qari-qariah Kelantan serta menganjur Majlis Ujian Tilawah Al-Quran pada setiap tahun. Ini sebagai salah satu usaha murni kerajaan ke arah melahirkan masyarakat yang celik Al-Quran.

Selain itu Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) juga turut memikul tanggungjawab memainkan peranan dalam memperkemaskan lagi ilmu tarannum ini dengan mengadakan pelbagai kursus tarannum Al-Quran di sana yang dihadiri oleh golongan yang berpengalaman dalam dunia tarannum Al-Quran (Ibid, 87).

Pihak swasta juga turut berganding bahu dengan pihak kerajaan memikul tanggungjawab ini dengan menjadi sebagai penaja dan mereka juga turut menyumbang idea, tenaga dan perbelanjaan bagi menjayakan Majlis Tilawah Al-Quran ini. Sebagai contoh adanya idea untuk menentukan tema Majlis Tilawah Al-Quran pada setiap tahun, kenaikan wang hadiah dan pelbagai pembaharuan terhadap majlis tersebut seiring dengan perkembangan masa agar ianya dapat sentiasa memberi semangat kepada para pencinta Al-Quran khususnya tarannum Al-Quran agar tampil berani bagi sama-sama menjayakan majlis tersebut (Ibid., 131).

Pihak swasta juga tampil menaja memperluaskan lagi Majlis Tilawah Al-Quran ini menerusi rancangan-rancangan atau program-program TV yang membolehkan seluruh dunia menyaksikan Majlis Tilawah Al-Quran yang diadakan walau tidak dapat hadir untuk menyaksikannya. Mereka boleh menyaksikannya menerusi Astro, TV 3, TV Al-Hijrah dan banyak lagi (Ibid., 136).

Menurut Mohd Karim Bin Ismail (Mohd K., Op. Cit., 44), antara usaha murni ataupun langkah-langkah yang diambil dan dilakukan oleh kerajaan selaku orang yang bertanggungjawab ialah dengan mengadakan kursus-kursus membaca Al-Quran di setiap negeri walaupun dalam keadaan yang terhad dari segi kelengkapan atau kemudahan pengajian dan kakitangan yang berpengalaman bagi memastikan ia dapat mencapai matlamat yang lebih berkesan. Selain itu, kerajaan memperbanyakkan ujian membaca Al-Quran yang dilakukan di semua peringkat umur bermula di alam persekolahan bagi kanak-kanak sehinggalah dewasa. Kerajaan juga dengan tegas menggesa supaya setiap kementerian mengadakan majlis berkaitan Al-Quran seperti mentafsir ayat-ayat Al-Quran dan ujian menghafaz Al-Quran. Hasilnya ia dapat mencuri hati masyarakat untuk sama-sama mengimarahkan majlis seumpama itu dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Langkah seterusnya juga, kerajaan pusat yang disokong oleh kerajaan negeri telah memperkenalkan satu skim galakan khas kepada para pembaca dan penghafaz Al-Quran. Skim galakan khas ini merupakan sumbangan elaun sebanyak RM800 setiap bulan kepada yang berjaya menghafaz 30 juzuk Al-Quran. Di samping itu, Maahad Tahfiz juga ditubuhkan di setiap negeri sebagai pusat pengajian khusus berkaitan dengan menghafaz Al-Quran.

Dari segi pengagihan masa pengajian juga, ia dilihat lebih terhad kerana mengikut cara persekolahan yang terikat dengan jadual waktu bagi sesuatu subjek

untuk dipelajari dan guru tersebut mestilah menepati masa pengajian yang diperuntukkan (Ibid., 67).

Menurut Wan Mohd. Noh Bin Wan Hamat (1994: 148-149), selepas tahun 1980-an pula wujudnya institusi yang lebih mantap dalam memperkembangkan lagi penguasaan Al-Quran iaitu dengan adanya sistem Kaedah Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan di dalam kaedah ini tarannum dijadikan mata pelajaran pengukuhan pembelajaran Agama dan ia juga merupakan suatu pendidikan luar Pendidikan Agama Islam. Dalam tahun 1980-an juga kaedah-kaedah tarannum telah dicuba di sekolah-sekolah Agama Asrama Penuh. Kaedah ini digabungkan bersama ilmu Qiraat dan hasilnya semua guru-guru Agama diberi kursus berperingkat mengikut zon, kawasan serta negeri dengan memberi pendedahan berkaitan kaedah tarannum seperti pemarkahan dan juga cara melatih pelajar yang berbakat dalam tarannum supaya lebih terkedepan sebagai generasi pelapis.

Perkara ini juga berlaku pada sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) dan kelas aliran agama (KAA) ialah wujudnya Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ). Program KKQ bertujuan memperkasakan penguasaan kemahiran al-Quran dalam kalangan murid-murid yang mengikuti kelas berkenaan. Ia bermula semenjak tahun 1986 sehingga sekarang (Farah Ilyani, 2011 : 5).

Dalam program ini, setelah murid mempelajari segala teori, murid mengaplikasikan bacaan bertarannum pada surah-surah tertentu yang ditetapkan bagi setiap lagu yang dipelajari. Ini bertujuan memudahkan murid dalam proses mengingat bentuk alunan lagu-lagu yang dipelajari iaitu 7 lagu utama seperti bayyati, Hijaz, Soba dan sebagainya. Antara objektif yang penting ialah agar pada tahap yang lebih tinggi, para murid dapat menerapkan tarannum yang dipelajari ke dalam bacaan pada mana-mana surah tanpa terikat dengan surah-surah dalam sukatan (Ibid., 6).

Justeru dengan adanya pelbagai institusi yang memainkan peranan secara meluas ini maka pada tahun 1990-an memperlihatkan peningkatan dalam tarannum Al-Quran sehingga orang-orang Arab yang datang mendengar mutu bacaan para qari dan qariah Asia mengagumi bacaan mereka seterusnya mengakui tarannum yang dibacakan lebih kearaban jika dibandingkan dengan sebelumnya (Wan Mohd., 1994: 148-149).

Menurut Khalid Isa (2011: 105), kebanyakan institusi pengajian tinggi menyusun kurikulum berkaitan ilmu tarannum supaya lebih menarik dan bersistematik mengikut gaya dan pengkaedahan yang sesuai seiring dengan perkembangan tarannum yang berlaku. Ini kerana melalui institusi pengajian tinggi dilihat boleh dijadikan tapak asas kepada pembentukan jati diri qari dan qariah sebelum meneruskan langkah menuju kejayaan demi kejayaan. Antara

institusi-institusi pengajian tinggi yang menawarkan subjek tarannum ialah Maa'had Tahfiz Al-Quran Darul Al-Quran Kuala Kubu Baru, Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Manakala di institusi swasta pula seperti Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), Kolej Universiti Insaniah (KUIM) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).

Mohd Karim Bin Ismail (1991: 67) menyatakan pada era ini juga fungsi masjid diperluaskan lagi dengan melibatkan kedua-dua bidang sama ada dari aspek rohani mahupun jasmani. Ini kerana masjid dijadikan tempat untuk menambah ilmu pengetahuan dalam berbagai bidang dan bukan hanya untuk ibadat semata. Pelbagai program mengimarahkan masjid dibuat seperti program kemasyarakatan, ekonomi, pertanian dan sebagainya agar di situ terciptanya tali persaudaraan yang utuh apabila saling berganding bahu dan bertukar-tukar pendapat.

Di era Faridah Binti Mat Saman ini juga menunjukkan bahawa guru-guru tarannum terdiri daripada pelbagai golongan profesional seperti pensyarah, Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam, Eksekutif dan sebagainya yang mana mendapat pelajaran samaada dari dalam mahupun luar negara. Ia berlainan daripada apa yang berlaku sebelumnya yang mana para guru tarannum merupakan dari kalangan golongan ustaz dan ustazah sahaja (www.alquran.gov.my, 2018: 22 Jan).

Daripada golongan profesional ini juga adalah anak murid Faridah Binti Mat Saman, mereka telah menubuhkan pelbagai akademi Al-Quran yang mana turut mengajar tarannum dengan pelbagai kursus yang ditawarkan dan ianya dibuat di pelbagai tempat atau institusi seperti di masjid, universiti, sekolah dan sebagainya.

Pada era ini juga penghasilan buku-buku tarannum juga sudah mula diterbitkan untuk pembacaan masyarakat umum. Antara tokoh tarannum yang gemar menulis dalam bidang ini ialah Dato' Nik Jaafar Bin Nik Ismail juga merupakan guru Faridah Binti Mat Saman. Antara karya penulisan beliau yang tersohor dalam seni lagu al-Quran ialah Qawaid al-Tarannum, al-Qawaid Qabla Al-Tilawah, Panduan Tartil Al-Quran, Panduan Tartil Al-Quran (2), dan Panduan Tartil Al-Quran (3). Selain itu beliau turut menjadi hakim musabaqah al-Quran, pengajar halaqah-halaqah pengajian tarannum, penceramah di masjid-masjid berkaitan seni lagu al-Quran, pensyarah Kememterian Pendidikan Malaysia, pembentang kertas kerja, pelatih qari dan qariah menjadi sumber rujukan dalam tarannum al-Quran, penggubal kurikulum bacaan al-Quran, pelopor dalam perubahan penggunaan lagu Hijazi kepada tarannum Misri di

Malaysia dan juga merupakan penggubal kurikulum Kelas Kemahiran al-Quran (ahmad N. 2008: 84-110).

4. Keistimewaan Tarannum Faridah Binti Mat Saman

Santeri Doll Kawaid et.al (Santeri D., 2017: 244-246), menjelaskan Faridah Binti Mat Saman sememangnya seorang yang sangat mahir dan terkenal dalam tarannum Al-Quran. Ini kerana suaranya merupakan suara asli yang memang dianugerahkan oleh Allah SWT sejak azali berbeza dengan kebanyakan qari atau qariah yang mana suara mereka kebanyakannya suara sina'e yang dibuat-buat atau perlu dibentuk terlebih dahulu. Suara beliau juga dalam bertarannum tidak ditelan usia dan beliau juga mempunyai keistimewaan apabila dengan mudah untuk meniru bacaan tarannum qari atau qariah lain. Beliau mempunyai pakej yang sempurna dalam bertarannum sama ada dari segi suaranya, tajwidnya, makhrajnya, berlahjah Arabnya dan sebagainya yang sangat diambil kira dalam pemarkahan sesebuah Majlis Tilawah Al-Quran. Justeru tidak hairanlah beliau merupakan Johan Qariah terbanyak yang mendapat johan samada di Peringkat Kebangsaan mahupun Antarabangsa. Beliau juga mampu untuk mengikuti variasi lagu-lagu terkini dalam tarannumnya di samping mahir dengan variasi lagu tarannum lama yang jarang dikuasai oleh qari qariah lama mahupun terkini. Malahan lagu tarannum yang dibawakan oleh beliau juga bersesuaian dengan kesemua zaman walau sukar untuk ditiru terutamanya berkaitan bunga atau burdah asli yang dialunkannya. Ini kerana zaman sekarang kebanyakan bunga atau burdahnyanya merupakan burdah sina'i yang dibuat-buat. Di samping itu beliau juga mahir dalam tingkatan bacaan Al-Quran seperti tartil, tadwir dan sebagainya.

Keistimewaan yang ada pada beliau diserlahkan lagi apabila sebutannya juga merupakan sebutan berlahjah Arab yang sukar ditandingi walau dari Negara Arab sekalipun. Beliau juga mengetahui cara untuk membetulkan tali suara atau asas supaya tarannum seseorang itu juga menepati tarannum yang ingin dibaca. Nafas beliau juga panjang dengan boleh membawa keempat-empat tobaqot suara dalam bacaannya dengan selesa tanpa termengah-mengah ataupun tidak cukup nafas. Tobaqot suara yang dimaksudkan adalah Qoror, Nawa, Jawab dan Jawabul Jawab (Santeri, Op. Cit., 244-246).

Menurut pengalaman penulis sendiri, sehingga sekarang beliau sering mendapat jemputan bagi memeriahkan sesuatu majlis dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran khususnya bagi majlis perkahwinan, Maulidur Rasul dan sebagainya.

Selain itu beliau juga sering dijemput sebagai qariah jemputan bagi pembukaan Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia (Ibid.). JAKIM (2007: 116) menyatakan beliau juga dijemput memperdengarkan bacaan Al-Qur'an bukan

sahaja di dalam negara bahkan di luar negara seperti beliau dijemput oleh kerajaan Thailand pada Majlis Maulidul Rasul yang diadakan di negara tersebut. Pada masa itu lima peserta terpaksa memperdengarkan bacaan al-Qur'an di atas pentas sehingga fajar menyingsing. Pada tahun 1965, beliau juga dijemput secara rasmi dari Mufti Palestin untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran (Ahmad S., 2015: 72).

Menurut Ahmad Shafiq Bin Mat Razali, (Ahmad S. 2015: 72) maka tidak hairanlah apabila Faridah Binti Mat Saman merupakan qariah yang mempunyai suara terbaik. Silsilah guru-guru tarannum beliau juga dari kalangan orang-orang yang terkenal dalam tarannum Al-Quran. Ini ditambah pula apabila beliau juga merupakan anak murid sulung atau terawal yang sempat menimba ilmu seni tarannum Al-Quran menerusi sentuhan gaya kearaban atau lagu berlahjah arabiah versi timur tengah iaitu ala-ala Misri. Rentetan dari situlah, beliau sering mendapat markah tertinggi dalam musabaqah Al-Quran dan sukar ditandingi kehebatannya. Ini ditambah pula apabila beliau mempunyai keistimewaan dalam mengalunkan qasidah, bernasyid dan berzanji. Maka tidak hairanlah jika beliau mempunyai kumpulan nasyid di bawah pimpinannya sendiri selaku ketua nasyid iaitu yang diberi nama "Usratul Faridah".

Kumpulan ini diketuai oleh Faridah Binti Mat Saman sendiri dan mempunyai seramai 10 orang ahli. Kesemua ahlinya adalah perempuan. Ia ditubuhkan sejak tahun 1974 yang mana pada awal kemunculannya dengan kumpulan marhaban sahaja. Namun pada tahun 1984 kumpulan ini dinamakan "Usratul Faridah" secara rasminya. Namun jumlah terkini ialah seramai 9 orang sahaja kerana salah seorang daripada anggota kumpulan beliau telahpun meninggal dunia. Kumpulan ini terdiri daripada 4 orang solo dan Faridah Binti Mat Saman merupakan salah seorang solonya, 3 orang dilantik sebagai pemain gendang dan 2 orang sebagai suara latar bagi sesebuah nasyid yang didendangkan. Kumpulan nasyid ini juga pernah mengeluarkan 2 album dalam 10 tahun lepas dan boleh didapati di pasaran. (Santeri, Op., Cit, 246)

Menurut Wan Mohd. Noh Bin Wan Hamat, (Wan Mohd., Op. Cit., 135-136) ini sebagaimana tarannum dalam kitab berzanji adalah dilagukan dengan lagu-lagu tarannum Al-Quran. Cuma ia tidak terikat dengan hukum tajwid dan perbezaannya juga hanyalah dari segi tempo ataupun gerakan tobaqah dan harakat serta burdah sahaja. Lagu-lagu di dalam berzanji hanyalah tiga sahaja iaitu lagu Sikah, Rakbi dan Rast. Lagu Hijaz pula hanyalah untuk peringkat jawab kepada lagu Rast. Dan jawab pada lagu Sikah ialah lagu Mayyah. Dari segi penggunaan harakat pula, lagu-lagu di dalam kitab berzanji biasanya digunakan dengan empat harakat termasuk jawab lagu.

Namun dari segi penggunaan lagu-lagu Sikah dalam berzanji dengan Sikah dalam membaca Al-Quran berbeza. Ini kerana lagu Sikah dalam berzanji

ia menggunakan Sikah Hijazi ataupun Sikah Asli manakala lagu Al-Quran adalah Sikah Masri. Sifat-sifat lagu Rast dalam berzanji juga berbeza sedikit dengan lagu-lagu Rast Al-Quran kerana sifat-sifat Rast berzanji burdahnyanya amat cepat dan cergas serta melompat dari satu tobaqah ke satu tobaqah dan tidak telalu terikat dengan hukum tajwid seperti Mad Asli dan sebagainya. Berzanji juga dari segi kelembutannya berbeza atas dasar lagu-lagunya berbentuk irama yang lama atau lagu-lagu tua (*ibid*).

Menurut pengamatan penulis sendiri sepanjang bersama Faridah Binti Mat Saman dalam mengikuti program-program yang melibatkan penulis bersama beliau, sambutan dari masyarakat sangat mengagumkan bukan sahaja di dalam negara bahkan di luar negara seperti Thailand. Malah mereka sangat mengagumi kemerduan suara Faridah Binti Mat Saman dalam mengalunkan nasyid, qasidah dan berzanji.

PENUTUP

Sebagai kesimpulan, jelas dapat kita lihat daripada apa yang dibentangkan oleh penulis akan keistimewaan-keistimewaan yang terdapat pada pengajian tarannum sebelum dan semasa era Faridah Binti Mat Saman. Ia dapat dilihat berlaku terhadap Negara Malaysia secara umum, dan kepada Negeri Kelantan secara khusus. Keistimewaan-keistimewaan ini dapat dilihat antaranya menerusi aliran tarannum, teknik tarannum yang digunakan, dan keistimewaan Faridah Binti Mat Saman itu sendiri. Hasilnya, dengan mengetahui keistimewaan-keistimewaan yang terdapat sebelum dan semasa era Faridah Binti Mat Saman ini dapat membuka minda masyarakat terhadap keistimewaan-keistimewaan yang ada pada zaman tersebut. Selain itu ia juga dapat memberi informasi berkenaan perubahan yang berlaku pada kedua-dua era tersebut ke arah yang lebih baik demi mengembangkan lagi tarannum ke serata dunia dalam usaha melahirkan qari-qariah dan guru tarannum yang mahir bertarannum.

REFERENCES:

- Ahmad Shafiq Bin Mat Razali, (2015), *Bacaan Berlahjah Arabiyyah Dalam Kalangan Qari Dan Qariah Peringkat Kebangsaan Malaysia*, Disertasi Ijazah Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
- Ahmad Nuruddin Bin Mat Yunoh, (2008), *SeniLagu Al-Quran: Kajian Terhadap Sumbangan Haji Nik Jaafar Bin Nik Ismail*, Disertasi Sarjana Ususluddin, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Farah Ilyani Binti Zakaria (2011), *Penilaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Tarannum Al-Quran Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) Di Selangor*, Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).
<http://www.alquran.gov.my/index.php/ms/persona/qari-kebangsaan>
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2007), *Johan Qari Dan Qariah Malaysia Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Dan Antarabangsa 1379 H/ 1960 M- 1427 H/ 2006 M*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad (PNMB).
- Khalid Isa, (2011), *Tan Sri Dato Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum Al-Quran Di Malaysia*, Disertasi Sarjana Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Haji Mohamad Haji Yusoff, (1991/1992), *Pengajian Al-Quran Berlagu Di Kelantan Sejarah Dan Perkembangannya*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Karim Bin Ismail, (1991), *Tuan Guru Haji Ahmad Ma'som (Ahmad Pergau @ Pergawi) Ketokohan Dan Sumbangannya Terhadap Pengajian Al-Quran Al-Karim_ Kajian Khusus Di Kelantan Darul Naim*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Lukman Bin Ibrahim, (2010), *Tarannum Al-Quran Melalui Tariq Al-Syatibi: Kajian Terhadap Pengamalannya Dalam Kalangan Qari-Qari Kelantan Ke Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia Antara Tahun 1990-2005*, Tesis PhD, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Najmiah Binti Omar, (2017), *Pengajian Tarannum Al-Quran Di Terengganu Dari Tahun 1960-2013: Kajian Terhadap Pengajaran Rogayah Binti Sulong*, Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nik Jaafar Nik Ismail, (1998), *Buku Qawaid Tarannum, Cara Berlagu*, Darul Fikr: Kuala Lumpur.

- Santeri Doll Kawaid, Shamsudin Yabi & Anuar Mamat, (2017), *Wasatiyyah Al-Quran Dalam Mendepani Cabaran Kontemporari*, Seminar Wahyu Asas Tamadun Peringkat Antarabangsa Kali Kelima Dengan Kerjasama Institut Wasatiyyah Malaysia (IWM) pada 10 hingga 11 Oktober 2017.
- Siti Norfariza Binti Mohd Tawel, (2014), *Penganjuran Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa: Sejarah Dan Perkembangannya*, Disertasi Ijazah Sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam: Universiti Malaya.
- T.n, (1986) Buku Panduan: Kursus Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran, Kuala Lumpur: Bahagian Agama Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Wan Fakhrul Razi Bin Wan Mohamad, (2008), *Haji Ahmad Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan*, Disertasi Ijazah Sarjana Ussuluddin, Jabatan Al-Quran Dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Wan Hilmi Bin Wan Abdullah, (2014), *Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Di Malaysia*, Tesis Ijazah Sarjana Pengajian Islam: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Mohd. Noh Bin Wan Hamat, (1994/1995), *'Tarannum' Dan Keberkesanannya Untuk Tahsin Al-Quran*, Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Al-Quran Dan Al-Sunnah: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilson Coker, (1972), *Music And Meaning*, London: The Free Press A Division Of The Macmillan Company.